

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

*Noriah Mohamed
Hasnida Chekha*

Abstrak

Urak Lawoi (Chaolay) ialah nama bagi minoriti yang menduduki pulau dan pantai di sebelah barat, selatan Thailand. Kadangkala kumpulan ini dikenali sebagai Chao Thalay dan Chaonam yang bermakna orang laut ataupun orang air, dan ada di sesetengah tempat mereka digelar Chao Thai Mai yang bermaksud penduduk Thai baharu. Makalah ini akan memberikan tumpuan kepada salah satu komuniti Urak Lawoi ini, iaitu komuniti yang menetap di Pulau Lipek (Lipea), Thailand. Untuk mendapatkan gambaran umum, makalah ini akan menghuraikan latar belakang dan asal usul Urak Lawoi. Secara khusus, makalah ini akan membandingkan kata ganti nama diri bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu standard yang terdapat di Malaysia dari segi definisi, jenis dan pola penggunaan.

Abstrak

Urak Lawoi (Chaolay) is the name for the minority people who occupy the coast and island in western and southern Thailand. At times these people are known as Chao Thalay and Chaonam which mean ‘people of the sea’ or ‘people of the water’. In some places they are also known as Chao Thai Mai which carries the meaning of ‘new Thai people’. This article will focus on one of the Urak Lawoi communities on Lipek (Lipea) island. In general, this article will make comparisons, in specific, the pronouns of the Urak Lawoi language and that of the standard Malay language as found in Malaysia from the aspects of definition, types and usage.

PENGENALAN

Masyarakat Thai mempunyai penduduk yang berlainan kaum di beberapa daerah. Selain orang Thai yang menjadi penduduk majoriti, ada beberapa kumpulan minoriti yang menduduki negara Thailand. Kaum minoriti ini mempunyai cara hidup yang berbeza daripada penduduk Thai kerana masih ada antara kelompok ini yang mengembara, merantau atau tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap.

Kelompok minoriti yang menduduki beberapa kawasan seperti di Chaukhau atau Chaotai Phukhau dikelompokkan kepada lima, iaitu Karen, Miao, Akha, Lissu dan Yao (Pratheang, 1998:12). Selain itu, terdapat beberapa kelompok seperti Lawa, Musso dan Shan di kawasan pergunungan sebelah utara dan barat Khmer, Soai di timur, Phuthai dan Yuan di timur laut, Mon di wilayah Rachburi Kancanaburi, Thai Islam, Semang, Phi Tong Luang (*Spirits of the Yellow Leaves*) di selatan Thai dan Chaolay atau Orang Laut (*Sea Gypsies*) di pantai dan di kepulauan sebelah barat.

Latar Belakang dan Asal Usul Urak Lawoi

Urak Lawoi atau Orang Laut ialah nama bagi minoriti yang menduduki pulau dan pantai laut di sebelah barat selatan Thailand. Kadangkala kumpulan ini dikenali sebagai Chao Thalay dan Chaonam yang bermaksud orang laut ataupun orang air, dan ada di sesetengah tempat mereka digelar Chao Thai Mai yang bermakna penduduk Thai baharu. Kumpulan ini tidak suka dipanggil Chaonam. Mereka menganggap perkataan Chaonam tidak sopan dan orang yang memanggil mereka dengan nama tersebut memandang rendah terhadap mereka. Hal ini demikian kerana setiap manusia itu lahir daripada air mani yang dianggap tidak suci. Oleh sebab itu perkataan Chaonam dianggap perkataan yang paling rendah pada pandangan mereka dan mereka sangat benci akan perkataan ini (Charas, 1991:16–17).

Perkataan Chao Thai Mai ialah nama yang diberikan oleh kerajaan Thailand kepada kumpulan ini untuk menggantikan Chaolay atau Chaonam. Dengan harapan nama ini dapat mengurangkan perasaan negatif antara kumpulan ini dengan rakyat biasa, serta dapat menimbulkan perasaan bahawa mereka juga merupakan ahli kumpulan masyarakat seperti kumpulan yang lain (Veena, 1980:1).

Kini Chao Thai Mai ialah nama bagi kumpulan ini. *Masing* atau Chao Sing ialah nama Chaolay yang menduduki sebelah laut bermula dari wilayah Pang Nga, Ranong, sehingga Victoria Point, Burma. Moken pula ialah perkataan yang digunakan oleh kumpulan *Masing* atau *Sing* untuk

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

memanggil Chaolay atau Chaonam yang menduduki kawasan Pulau Phuket dan kawasan selatan ke bawah. Perkataan Moken ini juga digunakan oleh kumpulan *Masing* dan *Sing* untuk memanggil kumpulan mereka sendiri.

Aphinan (1988: 10–12) yang menulis tentang sejarah Urak Lawoi di Thailand berpendapat bahawa tempat asal Urak Lawoi tidak diketahui oleh sesiapa. Walau bagaimanapun, ahli akademik yang mengkaji tentang kumpulan ini berpendapat bahawa terdapat dua kawasan asal kelompok masyarakat ini, iaitu Indonesia dan kawasan lembah sungai Yangtze Kiang. Dalam hal ini, Urak Lawoi dianggap keturunan Mongol ataupun Mongoloid; sama seperti Cina, Myanmar, Thailand, Melayu dan Indonesia yang mempunyai tempat asal di kawasan lembah sungai Yangtze Kiang di negara China. Mereka kemudian berhijrah ke sebelah selatan menerusi sepanjang perairan Khong sehingga ke Tanjung Indo-China dan seterusnya ke laut. Kemudian mereka berpisah menduduki kepulauan Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu.

Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa pada masa lampau Urak Lawoi berasal dari kawasan Gunung Jerai di Sai Buri, Kedah, Malaysia sebelum mereka berhijrah ke perairan Thailand. Pada zaman awal, kaum ini merantau menggunakan perahu sebagai tempat tinggal dan kenderaan untuk mencari ikan. Apabila tiba peralihan monsun barat daya, mereka akan berlindung di kawasan pantai dengan membina tempat kediaman kecil-kecilan. Apabila tiba musim peralihan monsun barat laut pula, mereka akan menggunakan perahu mengembara ke beberapa pulau. Sebab itulah mereka dikatakan bersifat separuh laut, separuh daratan (*Community Organization Institute*, 2005).

Rumusannya, asal usul Urak Lawoi tidak dapat ditentukan. Namun begitu, daripada beberapa keterangan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa mereka berkemungkinan besar berasal daripada kelompok manusia yang tergolong dalam kelompok Melayu Polinesia atau Austronesia, yang mungkin berasal dari satu kawasan di utara, iaitu Asia Tengah atau di selatan, iaitu Nusantara.¹ Jika demikian, dapatlah dikatakan bahawa Urak Lawoi mempunyai hubungan kekerabatan dengan orang Melayu dan peribumi lain yang terdapat di Malaysia.

¹ Berdasarkan hipotesis tanah asal Austronesia, sama ada dari utara (Asia Tengah) atau Nusantara. Rujuk Noriah (1999: 12-18) untuk keterangan lanjut tentang hal ini.

Urak Lawoi di Pulau Lipek, Thailand

Pulau Lipek terletak dalam wilayah Satun. Satun² ialah sebuah wilayah yang terletak di selatan Thailand, kawasan laut Andaman, India. Wilayah yang berjiran dengan Malaysia ini berkeluasan 247 898 kilometer atau 154 936 100 hektar. Wilayah Satun bersempadan dengan wilayah Songkhla. Wilayah yang berhampiran dengan Satun ialah Pra-Nakhon Sri Ayutthaya dan Chainath. Satun mempunyai bandar bernama negeri Setoi Mumbang Segara, iaitu Satun bandar Prasmutaewa³ (Rethaphirom, 2005:214).

Satun ialah kawasan kepulauan yang mempunyai 105 pulau (Rethaphirom, 2005:215). Wilayah ini dikenali sebagai wilayah ratusan pulau oleh orang ramai, tidak kira penduduk Thailand atau warga asing. Antara pulaunya ialah Pulau Tarutou, Lipek, Khai, Adang dan Hin-Ngam.

Pulau Lipek ialah sebuah pulau yang dikenali sebagai perkampungan Urak Lawoi semenjak Rama Kelima. Pulau ini terletak dalam kepulauan Adang-Rawi di sebelah barat wilayah Satun (Peta 1.1).

Peta 1.1 Pulau Lipek di Wilayah Satun.



Sumber: <http://www.satun.go.th/> (diakses pada 28 April 2007)

2 Satun berasal daripada perkataan Setoi, yakni sejenis buah berwarna kuning.

3 Sejenis lambang bergambar dewa menjaga lautan, bertempat di atas batu di tengah laut dan dari arah belakangnya mendapat cahaya matahari oleh sebab kawasan laut terletak di arah ke barat.

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

Jarak Pulau Lipek dari bandar Satun ialah 80 kilometer, dan dari pelabuhan Pak Bara ialah 64 kilometer. Pulau Lipek ialah pulau kecil berkeluasan empat kilometer (Yaowanit, 1998:34). Pulau ini mempunyai kawasan tanah rata di sebelah utara dan selatan. Pulau ini juga mempunyai kawasan luas berhampiran laut dengan pasir yang memutih. Di sebelah timur dan barat berkawasan bukit rendah yang menurun ke kawasan batu berhampiran laut. Persekitaran pulau mempunyai kawasan batu karang yang luas. Oleh sebab pulau ini tidak berbukit, tanahnya kelihatan rata dan landai. Sebab itu pulau ini diberi nama Pulau Lipek kerana perkataan lipek dalam bahasa Urak Lawoi bermakna nipis (Charas, 1991:23). Pulau Lipek sebelum ini ialah sebuah pulau yang tidak berpenduduk (Rethapirom, 2005: 288). Orang pertama menduduki pulau ini ialah Tuk Mamad, kemudian diikuti Tuk Khiri bersama Sanu dan penduduk Urak Lawoi yang lain (Charas, 1991:27).

Pada zaman Rama Keenam, Praya Samanratburin menganugerahkan Nam Sekun⁴ Hanthalay dan Nam Sekun Thalay Leak kepada penduduk Urak Lawoi di Pulau Lipek. Kini, keturunan Hanthalay dan Thalay Leak berjumlah seribu orang. Urak Lawoi di Pulau Lipek tidak seperti dahulu lagi kerana mereka sudah mempunyai tempat tinggal yang tetap di kawasan tepi pantai. Mereka tidak lagi mengembara seperti nenek moyang mereka (Yaowanit, 1998:6).

Dari segi struktur sosial, masyarakat Urak Lawoi mempunyai persaudaraan yang erat. Mereka mempunyai ahli keluarga sederhana, iaitu ibu, bapa, anak dan sesetengah keluarga mempunyai datuk dan neneh. Sistem kekeluargaan bersifat monogami. Perkahwinan dilakukan dalam ahli sekumpulan sendiri (*endogamy*) berbanding dengan orang luar (*exogamy*). Apabila sesebuah keluarga itu mempunyai ahli keluarga yang berkahwin, pasangan tersebut mesti tinggal bersama keluarga perempuan (*matrilineal residence*) sebelum berpindah membina keluarga sendiri (A-Phorn, 1992: 44).

Dari segi bahasa, Urak Lawoi di Pulau Lipek mempunyai bahasa dan cara bertutur tersendiri yang berbeza dengan kumpulan lain. Kini, kumpulan Urak Lawoi dapat menguasai dua bahasa, iaitu bahasa Thai dan bahasa Urak Lawoi. Bahasa Urak Lawoi tergolong ke dalam rumpun

⁴ Nama keturunan untuk memberi pengetahuan tentang asal diri seseorang dari segi keluarga atau keturunan. Biasanya Nam Sekun ini akan digunakan mengikut bapa, kadang-kala mengikut ibu. Nam Sekun ini boleh bertukar dengan beberapa syarat, misalnya perempuan apabila berkeluarga akan bertukar menggunakan Nam Sekun suami.

NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

Austronesia yang hampir sama dengan bahasa Melayu Standard (BMS) dari segi fonem, manakala dari segi struktur mungkin ada perbezaan sebab Urak Lawoi menduduki Thailand sejak ratusan tahun dahulu. Hal ini demikian kerana sesetengah struktur ayatnya mungkin dipengaruhi oleh bahasa Thai dan dialek Melayu selatan Thai.

Amon (1986) menyatakan bahawa bahasa Urak Lawoi di Pulau Lipek berkerabat dengan bahasa Melayu. Jika orang Urak Lawoi tinggal dalam masyarakat Malaysia buat seketika, mereka akan dapat memahami bahasa Melayu. Demikian juga jika orang Melayu Malaysia datang melancong ke pulau tersebut. Selepas mereka mendengar bahasa Urak Lawoi, dalam masa yang singkat mereka juga dapat memahami bahasa ini. Dalam tempoh yang panjang, kedua-dua pihak dapat berkomunikasi dengan baik.

Charas (1991:36) juga meletakkan bahasa Urak Lawoi dalam keluarga bahasa Melayu Polinesia yang mempunyai ciri-ciri bahasa yang sama dengan dialek Melayu di empat wilayah selatan Thai. Dengan kata lain, bahasa Urak Lawoi mempunyai hubungan kekerabatan atau kekeluargaan dengan bahasa Austronesia yang lain, termasuk bahasa Melayu.

Definisi dan Jenis Kata Ganti Nama Diri dalam Bahasa Melayu Standard

Dalam bahasa Melayu, kata ganti nama diri (KGND) merupakan salah satu jenis ganti nama selain ganti nama pertanyaan, umum, penunjuk dan hubung (Arbak, 1989:142). KGND dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga.

Sejajar dengan Arkab (1989), Nik Safiah *et al.* (1997:104) menyatakan bahawa KGND dalam bahasa Melayu ialah perkataan yang merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, orang kedua dan orang ketiga. KGND pertama ialah saya, aku, beta, patik, kami dan kita, KGND kedua pula ialah anda, engkau, awak, dan kamu, manakala KGND ketiga terdiri daripada ia, dia, mereka dan -nya.

Selanjutnya, Arkab (1989) telah menghuraikan ketiga-tiga KGND ini. Menurutnya, KGND pertama ialah kata nama yang digunakan apabila seseorang itu akan mengatakan dirinya sendiri seperti beta, saya, aku, ku, hamba, patik, kami dan kita. KGND pertama ini ada dua bentuk, iaitu tunggal dan jamak. KGND tunggal ialah beta, saya, aku, ku, hamba dan patik, manakala jamak pula kami dan kita. Kedua-dua bentuk jamak ini terbahagi kepada eksklusif dan inklusif. KGND jamak eksklusif, dalam hal ini kami, digunakan apabila perbualan tidak melibatkan diri orang yang

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

dilawan bercakap. KGND jamak inklusif pula ialah kita dan akan digunakan apabila perbualan melibatkan diri orang yang dilawan bercakap.

KGND kedua ialah kata yang digunakan ketika kita berbual dengan seseorang jika seseorang itu tidak mahu menggunakan nama pihak orang kedua itu. KGND kedua ialah awak, engkau, kalian, kamu dan anda. KGND ini juga ada dua bentuk, iaitu tunggal dan jamak. Engkau, awak, anda dan kamu merupakan KGND kedua bentuk tunggal. KGND kedua tunggal ini boleh juga berubah makna menjadi jamak jika diikuti kata bilangan semua, berdua dan sebagainya, contohnya anda semua, awak berdua dan kamu bertiga. KGND kalian ialah KGND kedua jamak.

KGND ketiga ialah kata yang digunakan untuk merujuk kepada orang yang diperkatakan. KGND ketiga juga ada bentuk tunggal dan jamak. Bentuk tunggal ialah beliau, dia, ia dan -nya, manakala bentuk jamak ialah mereka.

Definisi dan Jenis Kata Ganti Nama Diri dalam Bahasa Urak Lawoi

KGND dalam bahasa Urak Lawoi ialah kata yang digunakan untuk menggantikan nama orang sekiranya nama orang itu tidak mahu disebut atau digunakan semasa berkomunikasi. Pengertian KGND bahasa Urak Lawoi ini sama juga dengan BMS dan bahasa Thai.

KGND bahasa Urak Lawoi ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga. Setiap KGND ini mempunyai dua bentuk, iaitu tunggal dan jamak. Pembahagian KGND dalam bahasa Urak Lawoi diperlihatkan dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1 Jenis kata ganti nama diri dalam bahasa Urak Lawoi.

Jenis	Tunggal	Jamak
Diri Pertama	ku [ku]	kami (jamak, eksklusif) kita (jamak, inklusif)
Diri Kedua	kau [kau]	kanyau [ka au] (tunggal, jamak)
Diri Ketiga	nya [a]	kunya [ka a] (tunggal, jamak)

KGND pertama ialah kata yang digunakan oleh seseorang untuk menggantikan nama sendiri semasa berkomunikasi dengan orang lain. Bahasa Urak Lawoi ada tiga KGND pertama, iaitu ku, kita dan kami. KGND pertama ku berbentuk tunggal. Ku digunakan apabila seseorang ingin merujuk dirinya sebagai diri pertama tanpa menggunakan nama. Contoh:

NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

- 8 **Ku** tet beli baju.
- 8a **Saya** tidak dapat membeli baju.
- 9 **Ku** nak pi tijau sama kawat.
- 9a **Saya** hendak pergi berjalan-jalan dengan kawan.

Selain itu, ku boleh juga digunakan apabila mempunyai lebih daripada seorang yang ingin merujuk diri mereka. Jika seseorang itu mahu meliputi semua, maka KGND bentuk jamak digunakan. Bahasa Urak Lawoi mempunyai dua KGND pertama jamak, iaitu kami dan kita. Kami berbentuk eksklusif, yakni tidak termasuk orang kedua, manakala kita pula bentuk inklusif, yakni termasuk orang kedua. Kami ialah KGND yang boleh merujuk kepada bentuk tunggal dan jamak, kebanyakannya merujuk kepada bentuk jamak eksklusif, iaitu tidak termasuk diri kedua. Contoh:

- 10 **Kami** nak pi Koh Hin-Ngam.
- 10a **Kami** hendak pergi ke Pulau Hin-Ngam.
- 11 **Kami** lieang ca pulak.
- 11a **Kami** belanja kakak pula.
- 12 **Kami** nak pi rongrian.
- 12a **Kami** hendak pergi ke sekolah.

Kita pula ialah KGND jamak inklusif, iaitu termasuk orang kedua sebagaimana dalam contoh yang berikut:

- 13 **Kita** nak pi jalat Pantai Daya.
- 13a **Kita** hendak pergi berjalan-jalan ke belakang pulau.
- 14 **Kita** jadi samnya Pulau Nipih.
- 14a **Kita** penduduk Pulau Lipek.

KGND bahasa Urak Lawoi juga boleh berubah-ubah bentuk penggunaannya mengikut konteks ayat dalam penggunaan harian. Oleh hal yang demikian, KGND ini digunakan juga dalam konteks yang merujuk pemilik atau kepunyaan seperti contoh di bawah:

- 15 Pahu ini jadi nak **ku**.
- 15a Perahu ini kepunyaan **saya**.
- 16 Rumoh ini jadi nak **ku**.
- 16a Rumah ini kepunyaan **saya**.
- 17 Seti rek gi rek jadi nak **ku**.
- 17a Motosikal ini milik **saya**.

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

- 18 Raga ini jadi nak **kami**.
- 18a Raga ini milik **kami**.
- 19 **Kita** pi beli barak makat nak **kita**.
- 19a Kita pergi membeli makanan untuk kita.
- 20 Koik nak **kita**.
- 20a Kuih kepunyaan kita.

Bentuk KGND pertama ku, kita dan kami dalam bahasa tersebut boleh merujuk kepada pemilik. Dalam hal ini, didapati bahawa KGND terletak pada akhir ayat. KGND pertama bentuk tunggal ku, jika diberikan makna dalam BMS, pengertiannya sama dengan KGND tunggal saya, aku atau ku. Kami dan kita pula ialah bentuk jamak yang boleh juga diikuti oleh kata kerja *habik*, dan kata bilangan seperti dua, tiga dan sebagainya untuk menegaskan jumlah. Perkataan *habik* dalam bahasa Urak Lawoi bererti semua dalam bahasa Melayu. Contoh:

- 21 **Kita** habik jadi samnya Lawoi.
- 21a **Kita** semua orang laut.
- 22 **Kami** dua urak.
- 22a **Kami** dua orang/**Kami** berdua.

Walaupun bentuk dan jenis semua KGND pertama bahasa Urak Lawoi sama dengan BMS, cara penggunaannya adalah berbeza sebab komuniti tersebut tidak ada taraf sosial yang jelas.

KGND diri kedua kau dan *kanyau* ialah KGND bahasa Urak Lawoi yang wujud dalam bentuk tunggal dan jamak. Kau ialah KGND tunggal yang digunakan apabila seseorang itu hendak mengatakan kepada orang kedua yang jumlahnya seorang. *Kanyau* ialah KGND kedua yang terdiri daripada bentuk tunggal dan jamak, tetapi kebanyakannya memberikan pengertian jamak. Contoh:

- 23 **Kau** nati ku pi rongrian.
- 23a **Engkau** tunggu saya pergi ke sekolah.
- 24 **Kau** ada tang ge?
- 24a **Engkau** ada duit?
- 25 **Kau** nama nama?
- 25a Apa nama **anda**?
- 26 **Kau** rega pahu demik marel dek padak bapa baik?
- 26a Berapa bath tambang perahu kecil **engkau** datang ke pulau?



NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

- 27 Kok nanak **kanyau**.
- 27a Anak **engkau**.
- 28 **Kanyau** marel tak diha?
- 28a Awak datang dari mana?
- 29 Nya duduk rumoh **kanyau** ge?
- 29a Dia tinggal di rumah **engkau**?

Berdasarkan contoh penggunaan KGND kedua di atas, kedua-dua bentuk tunggal dan jamaknya dapat digunakan untuk sesiapa sahaja. Pengguna tidak perlu mengambil kira aspek sosiolinguistik seperti umur, status sosial, pekerjaan dan jarak perhubungan antara pemeran yang berbicara. Kedua-dua bentuk KGND kedua boleh digunakan secara bebas dari segi jantina orang yang dilawan bercakap, iaitu tidak mengambil kira lelaki atau perempuan. Selain itu, kedua-dua bentuk ini juga boleh diikuti oleh kata bilangan, sama ada yang tunggal ataupun yang jamak untuk menegaskan jumlah yang akan diperkatakan. Contoh:

- 30 **Kau** dok rak nak pi kak diha?
- 30a **Kamu** berdua hendak pergi ke mana?

Selain penjelasan di atas, KGND kedua juga boleh digunakan untuk menyatakan kepunyaan atau milik sesuatu benda kepada seseorang. Contoh:

- 31 Rumah ini jadi nak **kau** ne.
- 31a Rumah ini milik **engkau**.
- 32 Pau ini jadi nak **kau**.
- 32a Beg ini kepunyaan **anda**.
- 33 Ku minyap pisau nak **kau**.
- 33a Saya pinjam pisau milik **kau**.
- 34 Nasi cap ini jadi nak **kau**.
- 34a Nasi (dalam) pinggan ini milik **engkau**.
- 35 Torosap ini nak **kanyau** tet.
- 35a Telefon bimbit ini **kamu** punya.
- 36 Pahu **kanyau** kacak.
- 36a Perahu milik **kamu** cantik.

Berdasarkan beberapa contoh ayat di atas, jelas menunjukkan KGND tersebut menduduki posisi akhir ayat, sama seperti penyataan milik bagi KGND bahasa Melayu. KGND kedua juga boleh berubah-ubah mengikut konteks penggunaannya dalam ayat tersebut.



JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

KGND ketiga dalam bahasa Urak Lawoi ialah nya dan kunya. Nya ialah KGND ketiga bentuk tunggal, manakala kunya pula ialah KGND ketiga yang boleh berbentuk tunggal dan jamak, tetapi KGND jenis ini kebanyakannya digunakan untuk menegaskan jamak. Contoh:

- 37 **Kunya** di samnya atai?
- 37a **Dia** jadi orang darat?
- 38 Kasuaik **kunya** kacak.
- 38a Kasut **dia** cantik.
- 39 Kami pi sama **kunya**.
- 39a Kami pergi bersama **mereka**.
- 40 **Nya** kacak ne.
- 40a **Dia** cantik.
- 41 **Kunya** itu pak (duduk) Asia Resort.
- 41a **Mereka** menginap di Asia Resort.
- 42 **Kunya** sipak bon.
- 42a **Dia** menyepak bola.
- 43 **Kunya** pi lod pulau.
- 43a **Mereka** pergi ke hadapan pulau.
- 44 **Nya** rian panai.
- 44a **Dia** pandai belajar.

Berdasarkan contoh di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa KGND kunya mempunyai bentuk tunggal dan jamak. Ayat 37, 38 dan 42 dapat menjelaskan penggunaan KGND ketiga bentuk tunggal, manakala ayat 39, 41 dan 43 menjelaskan penggunaan KGND jamak. Sehubungan dengan ini, KGND bentuk tunggal nya boleh merujuk kepada sesiapa sahaja tanpa mengira jantina yang terlibat dalam perbualan tersebut.

Pengertian bagi perkataan nya dalam bahasa Urak Lawoi agak berbeza dengan BMS. Nya dalam bahasa Urak Lawoi ialah KGND ketiga berbentuk tunggal yang boleh menduduki posisi awal dan akhir ayat. Nya yang menduduki posisi awal ayat bertugas sebagai subjek dalam ayat, seperti contoh-contoh di atas. Nya di posisi akhir ayat boleh memberikan pengertian yang sama dengan -nya dalam BMS, iaitu merujuk kepada pemilik bagi sesuatu benda, tetapi cara menulisnya berbeza dengan bahasa Melayu. Contoh:

- 45 Buku nak **nya**.
- 45a Buku milik **dia**.
- 46 Itu nak **nya**.
- 46a Benda itu milik **dia**.

NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

Yang berikut ialah contoh penggunaan KGND ketiga -nya yang merujuk kepada pemilik dalam BMS.

- 47 Kakakku yang kematian suaminya termenung sahaja sehari dua hari ini.
- 48 Murid itu mendengar nasihat gurunya.
- 49 Jawatan itu dipohonnya.

Berdasarkan contoh di atas, jelas bahawa nya dalam bahasa Urak Lawoi dan -nya dalam BMS ditulis berbeza, iaitu nya dalam bahasa Urak Lawoi ditulis cara terpisah manakala -nya dalam BMS ditulis hampir dengan kata nama. Selain itu, KGND ketiga -nya dalam BMS⁵ tidak boleh berfungsi sebagai subjek seperti KGND dalam bahasa Urak Lawoi.

KGND ketiga dalam bahasa Urak Lawoi, sama ada dalam bentuk nya atau kunya, boleh digunakan secara bebas tanpa kekangan aspek sosiolinguistik sama seperti KGND pertama dan kedua.

Terdapat juga beberapa gelaran kekeluargaan dalam bahasa Urak Lawoi yang digunakan untuk menggantikan KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga. Contoh:

- 50 **Pak** nak pi kak lawoik. (ayat pernyata)
- 50a **Bapa** hendak keluar ke laut.
- 51 **Pak** nak pi kak lawoik ge? (ayat tanya)
- 51a **Bapa** hendak keluar ke lautkah?
- 52 **Pak** tinuk. (ayat pernyata)
- 52a **Bapa** tidur.

Dalam ketiga-tiga contoh di atas, gelaran seperti pak dapat digunakan sebagai KGND pertama, KGND kedua atau KGND ketiga. Dalam ayat 50, pak merujuk kepada KGND pertama oleh sebab bapa merujuk kepada dirinya sendiri. Dalam ayat 51, perkataan pak merujuk kepada KGND kedua sebab ditanya oleh orang yang dilawan bercakap. Dalam ayat 52, pak merujuk kepada KGND ketiga, yakni orang yang diperkatakan.

Daripadauraian di atas, didapati bahawa KGND dalam bahasa Urak Lawoi terdiri daripada tiga jenis, iaitu KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga. Selain itu, terdapat juga sapaan keluarga yang digunakan

⁵ Namun begitu, fenomena ini mungkin wujud dalam dialek Melayu lain seperti dialek Melayu Sarawak, contohnya ‘nya empun’ (dia yang punya atau miliknya), ‘nya sik datang sitok’ (dia tidak datang ke sini), ‘dulik ngan nya’ (pedulikan dia) menunjukkan bentuk KGND tunggal nya yang digunakan di pangkal ayat atau menggantikan dia.

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

sebagai KGND. Contoh kata sapaan keluarga lain yang digunakan sebagai KGND diberikan dalam jadual yang berikut:

Jadual 1.2 Kata sapaan kekeluargaan dalam bahasa Urak Lawoi.

Sapaan	Penerangan
yak apok	digunakan untuk memanggil ibu bapa
pak	merujuk kepada bapa
mak	merujuk kepada seorang emak
pak metuha	merujuk kepada bapa kepada suami atau isteri
mak metuha	merujuk kepada ibu kepada suami atau isteri
ca/kakak	merujuk kepada ahli keluarga lelaki atau perempuan yang lebih tua daripada orang yang bercakap
ca/kakak kilaki	merujuk kepada ahli keluarga lelaki yang lebih tua daripada orang yang bercakap
ca/kakak nibini	merujuk kepada ahli keluarga perempuan yang lebih tua daripada orang yang bercakap
mik/adik	merujuk kepada ahli keluarga yang lebih muda daripada orang yang bercakap
mik/adik kilaki	merujuk kepada ahli keluarga lelaki yang lebih muda daripada orang yang bercakap
mik/adik nibini	merujuk kepada ahli keluarga perempuan yang lebih muda daripada orang yang bercakap
ipai kilaki	ipar lelaki
ipai nibini	ipar perempuan
wa	merujuk kepada bapa saudara, emak saudara
mai	merujuk kepada emak saudara
ma	merujuk kepada bapa saudara
ce	merujuk kepada datuk, nenek
yek	merujuk kepada datuk, nenek
nyang	merujuk kepada moyang, iaitu bapa atau ibu kepada datuk atau nenek
nanak	merujuk kepada anak lelaki dan perempuan
nanak kilaki	merujuk kepada anak lelaki
nanak nibini	merujuk kepada anak perempuan
menatu kilaki	merujuk kepada individu lelaki yang menjadi suami kepada anak sendiri
menatu nibini	merujuk kepada individu perempuan yang menjadi isteri kepada anak sendiri
cucu	merujuk kepada anak daripada anak sendiri
kem	merujuk kepada anak saudara
cicek	merujuk kepada individu yang menjadi anak kepada cucu

Walau bagaimanapun, dalam bahasa Urak Lawoi, lazimnya kata sapaan keluarga ini digunakan bersama-sama dengan KGND untuk merujuk seseorang yang sedang berkomunikasi. KGND dalam bahasa ini, sama ada dalam bentuk KGND pertama, KGND kedua atau KGND ketiga, dapat digunakan kepada sesiapa sahaja tanpa perlu mengambil kira kendala sosial.

Aspek Sosiolinguistik KGND BMS dan KGND Bahasa Urak Lawoi

Masyarakat Melayu mempunyai kendala sosial yang tertentu yang menyebabkan pengguna KGND bahasa Melayu perlu memilih KGND yang sesuai berdasarkan kendala sosial yang tertentu. Sehubungan dengan kendala sosial ini, menurut Nik Safiah (1992:95), dalam bahasa Melayu terdapat dua jenis KGND:

- (a) Kata ganti nama yang digunakan oleh orang biasa.
- (b) Kata ganti nama yang digunakan dalam kalangan kerabat diraja dan oleh orang biasa, sama ada kepada atau mengenai golongan diraja.

Menurut Asmah (1993:79), dari sudut sosiolinguistik, KGND orang biasa yang dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga boleh terdiri daripada bentuk hormat, neutral dan kasar atau intim. Pembahagian tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3 Kata ganti nama diri orang biasa dalam bahasa Melayu.

Kata Ganti Nama Diri	Hormat	Neutral	Kasar atau intim
Pertama	saya	saya	aku
Kedua	tuan, puan, cik, encik	anda, saudara, saudari	awak, engkau, kamu
Ketiga	beliau	dia, ia, mereka	dia, ia, mereka

Berdasarkan bentuk KGND di atas, bentuk hormat atau halus ialah bentuk yang digunakan dengan sopan santun dan adab walau dalam mana-mana keadaan sekalipun. Hal ini bermakna bentuk halus ialah bentuk yang digunakan secara teliti dan kata yang digunakan ialah kata yang halus dalam menyampaikan mesej dan juga perasaan (Asmah, 2004:2). Bentuk halus ini juga dianggap sebagai bentuk KGND yang digunakan dalam kalangan orang baik-baik. Kebanyakan pengguna akan menggunakan terhadap orang

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

yang bertaraf tinggi dan dipandang mulia dalam masyarakat. Bentuk halus ini boleh melambangkan tingkah laku pengguna itu sendiri yang datang daripada keturunan, persekitaran dan pendidikan yang baik-baik. Sebaliknya, KGND bentuk kasar atau intim digunakan oleh pengguna yang tidak berpendidikan, tidak bersopan santun dan tidak menghormati orang tua. Namun begitu, hakikatnya KGND bentuk kasar tidak semuanya digunakan oleh orang yang bersikap sedemikian kerana kadangkala terdapat juga golongan orang baik-baik dan berpendidikan tinggi menggunakan bentuk kasar.

KGND kerabat diraja ialah KGND yang digunakan dalam hubungan kebahasaan yang melibatkan sekurang-kurangnya salah satu pihak itu terdiri daripada keluarga diraja (Asmah, 2004:1). KGND diraja dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga. KGND diraja dibahagikan kepada variasi diraja standard dan bukan standard. KGND diraja standard ialah KGND yang digunakan dalam situasi rasmi diraja yang melibatkan raja dan pegawai istana. Variasi diraja bukan standard pula ialah KGND yang digunakan oleh kerabat diraja semasa bercakap sesama sendiri dan kadangkala digunakan sesama raja yang tidak mempunyai hubungan keluarga. KGND diraja standard diberikan dalam Jadual 1.4.

Jadual 1.4 Kata ganti nama diri diraja standard dalam bahasa Melayu.

Diri	Kata	Pemeran pengguna	Pemeran lawan bercakap	Pemeran yang diperkatakan
Diri Pertama	Beta Patik	Raja Rakyat dan keluarga diraja	Rakyat Raja	- -
Diri Kedua	Tuanku	Rakyat dan keluarga diraja	Raja	-
Diri Ketiga	Patik (itu)	Rakyat dan keluarga diraja	Raja	Rakyat dan keluarga diraja
	Tuanku	Rakyat dan keluarga diraja	Siapa sahaja	Raja
	Baginda	Rakyat dan keluarga diraja	Siapa sahaja	Raja
	Duli Tuanku, Duli Yang Maha Mulia	Rakyat dan keluarga diraja	Siapa sahaja	Raja

Sumber Asmah Haji Omar (2004: 20).

NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

Berdasarkan jadual di atas, dapat dikatakan bahawa KGND beta digunakan oleh raja untuk merujuk kepada diri sendiri semasa bercakap dengan rakyat biasa. Patik ialah KGND yang digunakan oleh rakyat untuk memperkatakan diri sendiri apabila bercakap dengan raja. Selain dalam konteks sedemikian, patik juga boleh merujuk kepada golongan kawan dan orang yang setaraf dengannya (Asmah, 2004: 20).

KGND bukan standard diraja ialah anakanda, adinda, kakanda, bonda, ayahanda dan lain-lain. Semua KGND ini digunakan oleh keluarga diraja semasa bercakap dengan seseorang ahli keluarganya. KGND diraja bentuk bukan standard ini tidak boleh memperkenalkan diri pertama, kedua atau ketiga.

Dalam bahasa Urak Lawoi pula, tidak ada variasi tinggi atau rendah dalam penggunaan KGND. Hal ini demikian kerana tidak wujud diglosia dalam bahasa Urak Lawoi walaupun bahasa ini termasuk dalam keluarga Austronesia, sama dengan bahasa Melayu. Hal ini bermaksud bahasa Urak Lawoi ini tidak dibahagikan kepada variasi tinggi dan rendah. Keadaan ini berlaku kerana Urak Lawoi tidak mempunyai tatatingkat sosial. Semua orang dalam komuniti ini mempunyai taraf yang sama, kecuali orang darat dari kawasan bandar Satun yang datang mencari rezeki di pulau tersebut. Oleh hal yang demikian, bahasa yang digunakan sama sahaja semasa berkomunikasi dalam kumpulan sendiri, kecuali ketika berlaku pertukaran pemeran dan orang yang dilawan bercakap bukan orang asli pulau tersebut. Jika berubah pun tidak terlalu jauh dengan bahasa yang biasa digunakan, cuma beralih dari segi bahasa, yakni daripada bahasa Urak Lawoi kepada bahasa Thai.

Walaupun bentuk KGND bahasa Urak Lawoi hampir sama dengan bahasa Melayu, semua KGND dalam bahasa Urak Lawoi berbentuk neutral, iaitu tidak dapat ditentukan bentuk hormat, kasar atau intim. Contohnya, KGND pertama ku sama dengan KGND pertama BMS ku (klitik bagi aku) tetapi ku dalam bahasa Urak Lawoi berbentuk neutral, yakni sesiapa sahaja boleh menggunakan tanpa mengira kendala sosiolinguistik. Hal ini bertentangan dengan bahasa Melayu, ku ialah KGND yang digunakan kepada seseorang yang mempunyai hubungan intim atau rapat. Selain itu, ku boleh digunakan dalam situasi keagamaan, iaitu apabila bercakap dengan Tuhan dalam konteks keagamaan. Walaupun tidak ada variasi tinggi dan rendah dalam bahasa Urak Lawoi, terdapat beberapa aspek sosial yang mewujudkan pola penggunaan tertentu dalam penggunaan KGND bahasa ini. Aspek berkenaan dibincangkan dalam bahagian yang berikut:

Pola Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Bahasa Urak Lawoi

Agak sukar untuk menentukan pola penggunaan KGND dalam bahasa Urak Lawoi kerana semua KGND dalam bahasa ini berbentuk neutral. Namun begitu, dua faktor penting yang boleh digunakan untuk menentukan pola KGND bahasa Urak Lawoi ialah perbezaan umur dan hubungan kekeluargaan.

Pola penggunaan KGND bahasa Urak Lawoi boleh dihuraikan berdasarkan pola penggunaan KGND cadangan Brown dan Ford (1964: 236–237), iaitu:

- (a) Pola Resiprokal bentuk halus-bentuk kasar (BH-BK)
- (b) Pola Resiprokal bentuk halus-bentuk halus (BH-BH)
- (c) Pola Resiprokal bentuk kasar-bentuk kasar (BK-BK)

Pola Resiprokal BH-BK KGND bahasa Urak Lawoi berlaku apabila kedua-dua pihak mempunyai kedudukan sosial yang berbeza. Salah satu pihak mempunyai kedudukan yang tinggi dari segi umur, taraf sosial dan sebagainya, manakala satu pihak lagi mempunyai kedudukan yang rendah. Pihak yang mempunyai kedudukan tinggi akan menggunakan bentuk kasar (BK) kepada pihak yang rendah, sebaliknya menerima bentuk halus (BH) daripada pihak yang rendah. Dalam hal ini juga, nama panggilan atau gelaran akan digunakan oleh pihak yang lebih rendah untuk menyapa pihak yang lebih tinggi.

Pola Resiprokal Bentuk Halus-Bentuk Halus (BH-BH) berlaku apabila kedua-dua pihak mempunyai taraf yang sama. Pola BH-BH ini lazimnya digunakan apabila hubungan tidak rapat atau akrab atau untuk memberi penghormatan kepada pihak yang sedang berkomunikasi. Pola BH-BH kadangkala menggunakan gelaran, panggilan kekeluargaan atau gelaran mengikut status pekerjaan untuk menunjukkan rasa hormat.

Pola Resiprokal BK-BK biasanya menunjukkan keintiman dan digunakan oleh pemeran yang mempunyai hubungan yang akrab. Pola ini muncul walaupun terdapat perbezaan dari segi status pekerjaan, hubungan kekeluargaan, umur atau jantina dalam kalangan pemeran yang terlibat dalam perbualan tersebut. Penggunaan pola BK-BK ini menunjukkan kedua-dua pemeran menggunakan bentuk KGND yang sama. Penggunaan pola ini sering berlaku antara sahabat karib.

Berdasarkan tiga pola yang telah dijelaskan, sukar untuk menentukan pola yang wujud dalam bahasa Urak Lawoi sebab ketiga-tiga KGND dalam bahasa ini berbentuk neutral, tidak mempunyai bentuk hormat (halus) dan

tidak mempunyai bentuk kasar atau intim. Namun begitu, sebagaimana yang dinyatakan, pola penggunaan KGND bahasa Urak Lawoi dapat ditentukan melalui dua faktor, iaitu situasi dan perbezaan umur dan hubungan kekeluargaan yang dibincangkan dalam bahagian yang berikut:

Situasi

Situasi ialah satu faktor yang mendorong berlakunya pemilihan KGND untuk disesuaikan dengan keadaan yang sedang berlaku. Jika seseorang itu menggunakan KGND yang tidak sesuai dengan keadaan tersebut, dia akan dianggap tidak tahu berbahasa dan akan diberikan kedudukan atau status yang rendah. Hal sebegini wujud dalam semua bahasa yang mempunyai variasi bahasa dan kendala sosial. Dalam bahasa Urak Lawoi, hal ini tidak berlaku sebab komuniti ini tidak mempunyai kendala sosial yang boleh mewujudkan situasi rasmi, separa rasmi atau tidak rasmi.

Penggunaan KGND Urak Lawoi tidak wujud dalam situasi rasmi. Hal ini berlaku kerana terdapat perubahan jenis bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi, daripada bahasa Urak Lawoi kepada bahasa Thai. Hal ini berkaitan dengan hakikat bahawa hampir semua penutur Urak Lawoi dwibahasa. Mereka boleh berbahasa Thai hasil sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Thai. Pelancongan pula menyebabkan mereka boleh berbahasa Inggeris. Dalam situasi rasmi, mereka menggunakan bahasa Thai dan sebab itu semua KGND yang digunakan ialah KGND bahasa Thai.

Dalam situasi tidak rasmi, pola penggunaan KGND juga sukar ditentukan. Namun begitu, daripada tiga faktor, iaitu umur, jarak perhubungan antara pemeran dan status yang dicadangkan oleh Nik Safiah (1992: 97), dua faktor, yakni umur dan jarak perhubungan antara pemeran boleh dimanfaatkan untuk menghuraikan pola penggunaan KGND dalam bahasa Urak Lawoi. Sebagaimana yang dinyatakan, faktor status kurang penting sebab orang Urak Lawoi mempunyai status yang sama dari segi pekerjaan dan pangkat. Sehubungan dengan pangkat, tidak ada orang Urak Lawoi yang lebih tinggi pangkatnya kecuali penduduk darat yang datang bertugas di pulau tersebut seperti guru, doktor dan jurutera marin. Oleh sebab itu, apabila berkomunikasi dengan orang tersebut barulah faktor status diambil kira.

Dalam situasi keagamaan pula, penggunaan KGND pertama Urak Lawoi sama dengan situasi lain. KGND ku, kami dan kita akan digunakan apabila seseorang itu merujuk kepada dirinya dalam perhubungan dengan Tuhananya. Selain itu, KGND pertama bahasa Urak Lawoi mempunyai

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

satu bentuk jamak, iaitu cucu-cicit yang digunakan untuk merujuk kepada semua penduduk Urak Lawoi yang tinggal di pulau tersebut.

KGND kedua yang digunakan untuk merujuk kepada Tuhan semasa berdoa atau meminta sesuatu adalah dalam bentuk nama panggilan seperti Tuhat, ce nyang yek nyang atau Tuk Khiri. Ketiga-tiga bentuk panggilan ini ialah KGND kedua yang merujuk kepada Tuhan. Bentuk nama panggilan boleh digunakan untuk merujuk kepada Tuhan kerana orang Urak Lawoi menganuti fahaman animisme atau pagan. Contoh yang berikut menunjukkan pola penggunaan KGND tersebut dengan jelas:

- 53 **Ce nyang yek nyang** mita bi cucu cicik duduk bayik jangan nak ada pasan nama.
- 53a **Nenek moyang** minta beri anak cucu-cicit duduk baik-baik (tinggal elok-elok) jangan ada sesuatu masalah.
- 54 **Ce nyang ho! yek nyang!** mita bi ku duduk bayik-bayik jangan nak ada pasan nama.
- 54a **Nenek moyang** minta beri ku duduk baik-baik (tinggal elok-elok) jangan nak ada sesuatu masalah.
- 55 **Tuhat** he jangan nak bi ada angin kami nak balik marez bamai.
- 55a **Tuhat** (Choa Thi) jangan memberi angin, kami hendak balik untuk berpesta Loy Rea.

Umur dan Jarak Hubungan antara Pemeran

Faktor jarak hubungan antara pemeran boleh dibincangkan berdasarkan jenis hubungan yang wujud, yakni hubungan antara pemeran yang terlibat dalam komunikasi. Umpamanya, wujud jenis hubungan antara ahli keluarga, seperti antara anak dengan ibu, suami dengan isteri atau hubungan yang lebih jauh, seperti jiran tetangga yang tiada hubungan kekeluargaan. Faktor ini mewujudkan beberapa pola seperti yang berikut:

- 56 Orang muda: **Pak** nak pi diha?
Orang tua : **Ku** nak pi lawoik.
- 56a Orang muda: **Bapa** hendak pergi ke mana?
Orang tua : **Aku** hendak pergi ke laut.

Contoh di atas menunjukkan berlakunya pola resiprokal BH-BK. Bentuk halus ini boleh digantikan dengan bentuk nama panggilan atau

NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

gelaran yang digunakan oleh pihak yang lebih muda untuk menyapa pihak yang lebih tua. Hal ini bermakna pihak yang tua menerima bentuk halus, contohnya perkataan gelaran pak. Perkataan pak dalam bahasa Urak Lawoi tidak semestinya merujuk kepada bapa kandung, malahan perkataan ini digunakan untuk menghormati seseorang yang setaraf umur dengan bapa si penyapa. Sebaliknya, pemeran yang tua pula menggunakan KGND ku untuk merujuk dirinya yang lebih berusia dan lebih berpengalaman. Masyarakat Urak Lawoi menganggap orang yang lebih tua lebih berpengalaman daripada yang muda. Oleh sebab itu, KGND pertama ku yang digunakan dalam ayat di atas termasuk dalam bentuk kasar.

Dalam hubungan kekeluargaan pula, pola KGND yang sering digunakan oleh ahli keluarga ialah BH-BK. Dalam hal ini, KGND pertama tidak digantikan dengan panggilan hormat; sebaliknya KGND kedua digantikan dengan panggilan keluarga seperti pak, mak, ca dan lain-lain. Panggilan sebegini lazimnya digunakan oleh seorang anak atau orang yang lebih muda kepada yang lebih tua (ibu dan ayah). Contoh:

- 58 Anak : **mak** hagi tang duwa puluh baik.
Emak: **kau** nak amit buik nama?
- 58a Anak : **mak** bagi duit dua puluh bath?
Emak: **engkau** hendak buat apa?
- 59 Anak : nak pi beli koik.
Emak: habih tang nak **ku**.
- 59a Anak : hendak pergi beli kuih.
Emak: habis duit **aku**.

Contoh di atas memperlihatkan penggunaan pola BK-BH dan BH ini digantikan dengan kata ganti panggilan kekeluargaan kepada KGND kedua, iaitu mak untuk memberi penghormatan kepada yang tua. Ibu pula menggunakan KGND ku untuk melambangkan statusnya yang tinggi sebagai ibu.

Walaupun KGND Urak Lawoi berbentuk neutral, jika diperhatikan contoh di atas didapati bahawa ku yang digunakan oleh si ibu ialah bentuk kasar. Namun begitu, bentuk KGND pertama ku bentuk tunggal ini boleh berubah. Contoh:

- 62 Nenek: **Koh** pi beli misak dawod kat **ce** dulu weh.
Cucu : amit tang mareh **ku** nak pi beli nik.
- 62a Nenek: **Koh** pergi beli rokok daun untuk nenek dulu.
Cucu : ambil duit nanti **saya** pergi beli.

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

Pola penggunaan KGND yang berlaku ialah nama panggilan lawan KGND pertama ku (bentuk kasar) yang digunakan oleh pemeran yang lebih muda. Ku dalam contoh ini berbeza dengan contoh sebelum ini. Ku ialah KGND bentuk halus. Jika dibandingkan dengan ku dalam BMS, ku dalam konteks ini sama dengan kata KGND pertama saya yang boleh disifatkan bentuk hormat atau neutral.

Pola penggunaan KGND sebelum ini juga boleh berubah daripada nama gelaran lawan bentuk halus kepada nama gelaran lawan nama gelaran. Contoh:

- 63 Nenek: **Koh** pi beli misak dawod kat **ce** dulu weh.
Cucu : amit tang marel **Koh** nak pi beli nik.
- 63a Nenek: **Koh** pergi beli rokok daun untuk nenek dulu.
Cucu : ambil duit nanti **Koh** pergi beli.

Namun begitu, pola nama gelaran lawan nama gelaran ini wujud dalam kalangan kanak-kanak atau pemeran muda tetapi jarang digunakan dalam kalangan orang dewasa sesama ahli keluarga Urak Lawoi.

Contoh yang berikut memperlihatkan dua lagi pola yang boleh wujud dalam penggunaan KGND Urak Lawoi:

- 64 Isteri : **kau** makat nasi tet?
Suami: timau dah kenyang dah
- 64a Isteri : **engkau** tidak makan nasi?
Suami: tidak mahu, sudah kenyang.

Dalam contoh di atas, dua pola penggunaan boleh wujud, iaitu pola BH-BH atau BK-BK. Pola BH-BH wujud apabila si isteri menggunakan bentuk halus untuk menyapa suami, manakala suami pula menggunakan KGND yang halus juga untuk menjawab atau dalam ayat di atas, KGND digugurkan oleh si suami. Nada yang digunakan semasa berkomunikasi ini lemah lembut melahirkan bentuk resiprokal BH-BH.

Pola di atas boleh berubah daripada BH-BH kepada BK-BK jika pemeran berada dalam situasi marah dan nada yang digunakan dalam perbualan ini tinggi. Dalam hal ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa pola penggunaan KGND boleh berubah mengikut situasi walaupun dalam komunikasi yang melibatkan ahli keluarga. Dalam ayat di atas, KGND kau tidak lagi berbentuk halus, malah telah berubah menjadi bentuk kasar.

Rumusannya, pola penggunaan KGND bahasa Urak Lawoi tidak begitu ketara kerana komuniti ini mengandungi individu yang hampir setara tarafnya

NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

dari segi sosial, khususnya dari segi pekerjaan. Namun begitu, sebagaimana yang dibincangkan, pola-pola am tetap wujud berdasarkan pengaruh aspek sosial yang lain seperti hubungan kekeluargaan, umur dan situasi.

Daripada perbincangan tentang KGND dalam bahasa Urak Lawoi, jelaslah bahawa bahasa Urak Lawoi mempunyai tiga jenis KGND, iaitu KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga. Bentuk dan jenis KGND bahasa Urak Lawoi menyamai KGND dalam BMS. Pola penggunaan KGND dalam bahasa ini juga hampir menyamai pola penggunaan KGND dalam BMS, yakni dipengaruhi oleh faktor sosial tertentu. Walau bagaimanapun, disebabkan tidak adanya perbezaan taraf sosial dalam kalangan orang Urak Lawoi maka perbezaan penggunaan KGND ini dari segi taraf tidak begitu jelas. Namun begitu, KGND bahasa Urak Lawoi masih dipengaruhi oleh dua faktor sosial, iaitu umur dan jauh atau dekatnya hubungan keluarga antara pemeran.

Walau bagaimanapun, penggunaan KGND dalam bahasa Urak Lawoi menyamai jenis KGND dalam bahasa Melayu. Oleh sebab semua KGND Urak Lawoi berbentuk neutral, penggunaannya mungkin mewujudkan salah faham dalam kalangan penutur dialek Melayu yang lain. Misalnya, KGND pertama tunggal ku dalam BMS dan bahasa Thai merujuk kepada bentuk kasar dan kurang digunakan ketika berbicara dalam konteks sehari-hari dengan orang yang berumur dan berstatus. KGND ini digunakan dengan orang yang sangat karib atau mempunyai hubungan yang rapat. Tetapi keadaan ini berbeza dengan bahasa Urak Lawoi, KGND ku bersifat neutral dan hal ini menyebabkan berlakunya kekeliruan makna bagi orang asing yang mendengar perbualan tersebut. Mungkin pendengar mempunyai tanggapan bahawa komuniti Urak Lawoi tidak sopan dan biadab kerana salah faham mengenai makna yang wujud dalam kata KGND pertama ku apabila dibandingkan dengan bahasa yang lain.

Sehubungan dengan kekeliruan makna dengan kata KGND pertama ku ini, KGND dalam bahasa Urak Lawoi juga dipengaruhi oleh bahasa-bahasa asing seperti bahasa Thai dan bahasa Inggeris. Pengaruh bahasa Thai telah mewujudkan beberapa panggilan kekeluargaan bahasa Thai seperti lung (bapa saudara), na (emak saudara), phi (kakak) dan lain-lain dalam bahasa Urak Lawoi. Kata-kata Thai ini menggantikan panggilan keluarga dalam bahasa Urak Lawoi, khususnya dalam kalangan generasi kini. Oleh sebab mereka boleh berbicara dalam beberapa bahasa, maka hal ini menyebabkan penggunaan KGND juga saling berganti antara bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Thai, umpamanya KGND pertama chan, tho, ku, khau dan sebagainya.

KGND dalam bahasa Inggeris pula masih belum mempengaruhi bahasa Urak Lawoi tetapi kemungkinan pada masa depan hal ini akan berlaku.

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

KGND seperti I dan you boleh menyerap masuk ke dalam bahasa Urak Lawoi disebabkan pelancongan merupakan aktiviti utama di Pulau Lipek.

RUMUSAN

Perbincangan dalam makalah ini menunjukkan bahawa minoriti Urak Lawoi yang menetap di Pulau Lipek, Thailand ialah satu kelompok manusia yang tergolong dalam kelompok Melayu Polinesia atau Austronesia. Dapatlah dikatakan bahawa Urak Lawoi juga mempunyai hubungan kekerabatan dengan orang Melayu dan peribumi lain yang terdapat di Malaysia. Perbandingan KGND antara bahasa Urak Lawoi dengan BMS juga memperlihatkan ciri-ciri yang hampir sama dan hal ini berlaku mungkin disebabkan bahasa Urak Lawoi ialah salah satu bahasa yang tergolong dalam rumpun Austronesia. Mungkinkah bahasa Urak Lawoi merupakan salah satu dialek Melayu? Jangkaan ini mungkin tepat kerana berdasarkan ujian saling kefahaman, didapati bahawa orang luar boleh memahami bahasa ini selepas penyerapan pola-pola yang menyamai dialek Melayu lain.

BIBLIOGRAFI

- Alice Pu Ting, 1997. "Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dan Bahasa Bidayuh: Suatu Perbandingan Sosiolinguistik". Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Amon Saengmani, 1979. *Phonology of the Urak Lawoi 'Language: Adang Island.* Faculty of Graduate Studies: Mahidol University.
- Amon Thavisak, 1986. *Urak Lawoi.* Bangkok: Chulalongkornrachvithyalai.
- Andaman Pilot Project, 2005. *Urak Lawoi.* <http://www.cusri.chula.ac.th/andaman/th/way/uraklawoi.htm#intro> (diakses pada 4 April 2007).
- Aphinan Bauhaphakdee, "Moken Chaolay Golongan Terakhir" dlm. *Anusan A.S.T.* 28, hlm. 10 – 12, 1988.
- A-Phorn Aukrisna, "Phithi Loy Reay: Gambaran Masyarakat Chaolay–Kedudukan dan Kebudayaan" dlm. *Prarichat* 6:1, hlm. 42 – 55, 1992.
- Arbak Othman, 1989. *Nahu Bahasa Melayu.* Selangor, Darul Ehsan: Fajar Bakti.
- Aristar, A. R., 1999. *Austronesian: Urak Lawoi.* <http://www.sfs.uni-tuebingen.de/linguist/issues/10/10-878.html> (diakses pada 9 Julai 2007).
- Asmah Haji Omar, 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2004. *Bahasa Diraja.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

NORIAH MOHAMED DAN HASNIDA CHEKHA

- Brown, R. and Ford, M., 1964. "Address in American English" dlm. Dell Hymes, *Language in Culture and Society*, New York: Harper and Row.
- Chanthas Thongchuay, 1976. "*Phonology of the Chao-Le Language on Ko Sire Amphoe Muang, Changwat Phuket*". Master of Education Degree: Sri Nakharinwirot University.
- Charas Ngasaman, 1991. *A Study of Chao-Le's Folktales in Changwat Satun*. Songkla: Srinakharinwirot University.
- Community Organization Development Institute, 2005. *Pembangunan Kawasan Perkampungan Chaole*. Bangkok: Public Organization. <http://www.codior.th> (diakses pada 9 Julai 2007).
- Heidhues, M. S., 2000. *Southeast Asia: A Concise History*. London: Husdon and Thames.
- Hogan, D. W., 1972. "Men of the Sea: Coastal Tribes of South Thailand's West Coast" dlm. *Journal of the Siam Society* 60:1 bgn 1, 1972.
- Kamaruddin Esayah, 1998. "*Perbandingan Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis*". Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kannika Nitayapakde, 1985. "*The Phonology of Urak Lawoi Language on Lanta Island in Krabi Province*". MA Thesis, Faculty of Graduate Studies: Mahidol University.
- Khemachart Thepachai dan Wisitti Mayacheaw, "Chaolay" dlm. *Ruseelea*. 8:2, hlm. 50 – 63, 1985.
- Lakhana Doomkum, 1984. "*A Syntactical Study of the Malay Dialect in Taba Village*". MA Thesis, Faculty of Graduate Studies: Mahidol University.
- Looi Wai Ling, 2003. "*Kata Nama Kunci dan Kata Ganti Nama Diri dalam Alkitab: Analisis Terjemahan daripada Perspektif Makna*". Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Nathesan, S., "Kata Ganti Nama dan Sistem Panggilan serta Rujukan dalam Bahasa Tambanua" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39:2, hlm. 159 – 165, 1995.
- Nik Safiah Karim, 1992. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1997. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed, 1999. *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Panida Sngaunserivanich, "Loy Reay Cahaya Istiadat Lama Chaolay-Lanta" dlm. *Seni Kebudayaan*, 15:3, 142 – 148, 1994.
- Pejabat Wilayah Satun, 2007. *Satun Province*. <http://www.satun.go.th/> (diakses pada 28 April 2007).
- Pramod Prasatkul dan Phatma Vaphatnavong, 2007. *Kematian dan Kehidupan Rakyat Thai*. <http://www.ipsr.mahidol.ac.th/content/home/ConferenceII/Article/Download/Article1.pdf> (diakses pada 5 Mei 2007).

JENIS DAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA URAK LAWOI DI PULAU LIPEK, THAILAND

- Pratheang Khrehongs, 1998. *Chaonam (Chaothalay) dalam Negara Thai*. Bangkok: Ton Or Grammy.
- Preammin Karavi, 2001. *Geografi Kosa Kata Bahasa Thai dan Bahasa Melayu Lima Wilayah Selatan Thailand*. Department of Languages and Linguistics, Faculty of Liberal: Prince of Songkhla Universiti Hat Yai.
- Preammin Karavi, 2003. *Phasa lek Chadphan*. Department of Languages and Linguistics, Faculty of Liberal: Prince of Songkhla Universiti Hat Yai.
- Rethaphirom Bunseam, 2005. *Mengumpul Cerita Bandar Satun*. Songkhla: Institusi Pentadbiran Wilayah Satun.
- Ruslan Uthai, 2005. *Masyarakat Melayu di Thailand*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Somaiy Pinputthasilp, "Chaolay dengan Perubahan" dlm. *Krupritasn* 12, hlm. 82 – 85, 1987.
- Somporn Chaibangyang, (tt). *Province of Songkhla*. <http://www.indonesiasongkhla.org/index.php?topgroupid=1&groupid=1&subgroupid=&contentid=2> (diakses pada 2 Mac 2007).
- Sorat Makboon, 1981. "A Survey of Sea People's Dialects Along the West Coast of Thai". MA Thesis, Faculty of Graduate Studies: Mahidol University.
- Sudarat Leerabhandh, 1984. "A Phonological Reconstruction of Proto Orang Laut". MA Thesis, Faculty of Graduate Studies: Mahidol University.
- Sumalee Nimmmanupap, 1994. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suwilai Premsrirath, 2004. *Ethnolinguistic Maps of Thailand*. Bangkok: Kuru Sapha Ladprau.
- Tourismthailand, 2005. *Pelancongan Negara Thailand*. <http://www.tat.or.th/region.asp?id=4> (diakses pada 23 April 2007).
- Veena Chantanakomes, 1980. "A Description of Moken: A Malayo-Polynesian Language". MA Thesis. Bangkok: Mahidol University.
- Wikipedia, 2007. *Asal Usul Bahasa Melayu*. <http://id.wikipedia.org/wiki/> (diakses pada 8 November 2007).
- Wikipedia, 2007. *Thailand*. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Thailand> (diakses pada 9 April 2007)
- Wikipedia Indonesia, 2007. *Orang Laut*. http://en.wikipedia.org/wiki/Orang_Laut (diakses pada 2 Julai 2007).
- Wisitti Mayacheaw, 1989. "Kehidupan Chaolay di Wilayah Phuket". *Thlang Phuket dan Chaolay Laut Andaman–Sejarah Keturunan dan Ekonomik*: 222.
- Yayasan Seab Naka Setheayr, 2007. *Chaoles*. <http://www.chaoletai.com> (diakses pada 9 Julai 2007).
- Yaowanit Arilamul, 1998. "A Study on Cultures Concerning Basic Living Factors of Chaw Law in Koh Lee Peh, Tambon Koh Sarai, Amphoe MuangSatun, Changwat Satun". MA Degree in Thai Studies at Thaksin University.